

FSTEP terus dapat sambutan

KUALA LUMPUR, 6 Julai 2009 – Program Peningkatan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (FSTEP) hari ini menyaksikan seramai 65 peserta baru didaftarkan di bawah pengambilan keempat program itu.

Daripada 65 peserta itu, 36 peserta ditaja oleh pelbagai institusi kewangan di bawah Skim Pra-Pemilihan yang diumumkan pada 28 April tahun ini.

Ketua FSTEP, Lee Khee Joo berkata, sokongan daripada institusi kewangan terhadap FSTEP amat menggalakkan.

“Kami mengharapkan lebih banyak institusi kewangan akan menyertai Skim Pra-Pemilihan ini bagi pengambilan akan datang,” kata beliau dalam kenyataannya di sini.

Skim Pra-Pemilihan itu adalah sejajar dengan keperluan industri perkhidmatan kewangan kerana ia membolehkan institusi kewangan terlibat secara mendalam di dalam proses pemilihan peserta dan mereka dapat memilih sendiri peserta mereka untuk didaftar di FSTEP.

Di bawah skim dahulu, peserta dipilih dan direkrut oleh FSTEP dan elaun biasiswa

mereka dibiayai oleh Dana Latihan Kakitangan kendalian Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM).

Dengan skim yang disemak semula itu, institusi kewangan memilih calon mereka sendiri untuk dilatih di bawah FSTEP dan mereka akan membiayai elaun bulanan dan menyediakan latihan semasa kerja untuk setiap peserta mereka sepanjang program setahun itu.

Setelah tamat program, peserta mempunyai peluang untuk diambil bekerja oleh institusi kewangan yang menjadi penaja mereka.

Bagi 29 peserta yang direkrut terus oleh FSTEP, elaun biasiswa mereka yang berjumlah RM2,200 sebulan itu akan dibiayai oleh Dana Latihan Kakitangan.

FSTEP adalah program latihan yang dipacu oleh industri perkhidmatan kewangan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan diuruskan oleh IBBM.

Program itu bermula dalam September 2007 dengan objektif untuk meningkatkan bekalan tenaga kerja terlatih dan cekap bagi industri perkhidmatan kewangan.